

10/12/1998

Pengarang guna teknik pensyahihan fakta

iewed by A Rahim Abdullah

PADA lampiran 1 novel Julia, pengarang mengemukakan Dasar Perjalanan Syarikat Kumpulan BPRO Holding Sdn Bhd, sebagai usaha mensyahihkan fakta untuk novel berbentuk fiksi-faktual ini.

Begitu juga dengan 16 gambar foto di Perth, termasuk gambar pelajar wanita di kolej yang dihadiri Julia. Mereka ialah Safiyya, Sadia, Sumaiyah dan Sakinah, di samping gambar Taib, pegawai TDC Malaysia dan keluarganya di Perth.

Kutipan teks al-Quran dalam bahasa Inggeris (Al-Ambiyaa: 90); sajak Long Time Gone (yang dihadihkan Sumaiyah, kawan Julia di Perth); madah dalam bahasa Melayu yang diterima menerusi emel daripada Safiyya.

Seterusnya, laporan saham yang merosot dalam majalah Massa (tanpa tarikh); buku Membujur Lalu... Suatu Pengalaman Orang Melayu dalam Pengurusan, tulisan Mohd Ali Hashim, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Ekonomi Johor (yang dihadihkan Jun - kemudiannya menjadi suami Julia).

Yang terakhir adalah Catatan Sejarah Kepulauan Kokos yang dicatat Julia dalam diarinya, sebagai bahan motivasi sahsiah dan akal budi gadis itu untuk menjadi jinak dengan nilai Islam, serta memartabatkan budaya Timur, di samping merangsangkan minat dan keiltizamannya terhadap pengurusan dan perniagaan.

Dan sebuah catatan atau nota yang cukup penting bagi peribadi Julia adalah tulisan Jun, lelaki Cina yang ditemui Julia dalam penerbangan balik dari Perth ke Kuala Lumpur, ketika kedua orang tua Julia terkorban.

Sumber ini dijadikan bahan terakhir dalam proses mendewasakan Julia, selepas dia berjaya melalui pelbagai pengalaman sebagai pemangku Pengerusi syarikat BPRO Holding selepas bapanya meninggal dunia.

Sekali pandang, watak Jun inilah sebenarnya yang menjadi pendorong kepada kekuatan Julia, menghadapi pelbagai kemelut dan kerenah manusia dalam dunia urus niaga.

Pengarang juga memanfaatkan kerjasama antara syarikat yang lebih besar terutamanya bukan Bumiputera untuk bersedia membantu syarikat milik Bumiputera yang bermasalah, di samping gagasan menggalakkan perkahwinan campur sebagai proses integrasi sosial (melalui dakwah Islamisasi).

Hakikat ini terbukti apabila Cinta Sejati Travel & Tours kepunyaan keluarga Jun, berjaya bekerjasama dan bergabung melahirkan pakej pelancongan homestay di kawasan Felde Guar Napai, Kubang Pasu Kedah (tempat kelahiran Julia, sebelah bapanya).

Pakej pelancongan desa itu adalah projek yang pertama diperkenalkan di Malaysia, dan menariknya ia dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, pada hari persandingan Julia dan Jun - yang menaruh minat kepada Julia, sejak kedua-duanya terlanggar dalam kapal terbang MAS ketika Julia datang ke Perth.

Jun juga dilukiskan sebagai pemuda yang bersopan santun, sesuai dengan taraf keluarganya yang menjadi ahli perniagaan dan dihormati, sebenarnya adalah cerminan generasi baru Malaysia abad pascamoden yang bersahsiah tinggi - yang menjadi aspirasi pengarang ini untuk melahirkan warganegara yang berhemah tinggi.

Tentu ada sebab tertentu, kenapa Jun merahsiakan yang dirinya sudah menganut Islam beberapa lama daripada pengetahuan gadis itu. Barangkali teknik pengarang menyembunyikan sikap Jun terhadap Julia, dan proses Islamisasinya itu juga cukup berhemah.

Bagaimanapun bagi pembaca yang tinggi derianya, sikap Jun terhadap Julia

dan Islam itu dapat ditangkap, kerana pengarang sesekali menghadirkan watak lelaki itu dengan cara yang penuh suspens.

Gambaran itu berbeza pula dengan pergolakan batin Julia sendiri yang lebih banyak menyuarakan hasrat hatinya terhadap pemuda itu kepada pembaca dalam membandingkan sikap dinginnya terhadap Rashid, pemuda yang pernah dikenali dan cuba memeras ugutnya.

Begitulah usaha pendakwaan yang disampaikan secara berseni melalui proses kreatif yang mempergunakan pula bahan dan fakta dalam karyanya dalam pengisahan sudut pandangan orang pertama (watak Julia).

Sebagai teks terakhir yang dipergunakan pengarang dalam proses motivasi dan mematangkan sahsiah wanita muda yang dicipta dan diprojeksinya sebaik mungkin, antara lain catatan Jun yang amat bernilai pada Julia itu menyatakan:

Yakinlah kepada Tuhan  
Tidak semua yang kita  
rancang menjadi kenyataan  
kerana itulah fitrahnya  
atau tiba-tiba sahaja  
halangan mendatang.

....  
jangan mengalah  
kita mesti teruskan usaha  
biar bagaimanapun hidup  
kita beredar  
kerana apa yang menanti  
kita di hadapan sana  
tiada siapa yang tahu  
bahawa yang baik itu pasti  
akan menang....

Catatan yang agak lusuh itu disimpan baik-baik oleh Julia, kerana ia amat bermakna kepadanya. Dan sebagai membuktikan keyakinan dan perjuangannya itu, pengarang mengakhiri tugas motivasinya itu dengan monolog Julia seperti berikut:

"Terima kasih abang di atas catatan berharga itu yang terus menjadi pendorongku setiap kali aku berhadapan dengan kebuntuan.

Kepada abah dan mama, Julia sudah dewasa!"  
(hlm 181).

Menoleh kepada kenyataan Robert Scholes, apakah sastera (fiksi) itu lebih buruk daripada pengalaman dan kenyataan (faktual) ataupun sebaliknya, kita dapat melihat keberhasilan pengarang menggunakan teori itu.

Apa yang jelasnya, pengarang juga turut mengembangkan lagi teori kepemimpinan peribadi yang dikemukakan Stephen R Covey, yang kelihatannya memberikan kejayaan kepada Julia ke tahap kemenangan peribadi cum kemenangan umum, yang melahirkan peribadi yang proaktif.

Salah satu sifat orang yang proaktif itu, kata Covey, ialah menjadikan sayang itu sebagai 'kata kerjanya'.

"Sayang ialah sesuatu yang yang anda lakukan: pengorbanan yang anda buat, pemberian diri sendiri, seperti ibu melahirkan anak."

"Jika anda ingin mengkaji sayang, kajilah orang yang berkorban untuk orang lain, termasuk untuk mereka yang melukakan hati, atau mereka yang tidak sayang akan orang lain."

"Jika anda seorang ibu atau bapa, ingatlah rasa sayang anda kepada anak yang anda telah banyak buat pengorbanan untuk kebaikan mereka. sayang ialah nilai yang diwujudkan melalui tindakan menyayangi."

"Orang yang proaktif meletakkan perasaan di bawah nilai. Sayang, iaitu perasaan sayang, dapat dikuasai semula." (Stephen R Covey, 1996: 81).

Di sinilah pengarangnya berjaya menjodohkan dua peribadi yang memahami erti dan konsep sayang yang penuh bijaksana itu, sesuai dengan prinsip takbir dan takdir yang ada pada perancangan manusia, dan kata putusnya tetap pada Tuhan Pencipta seluruh alam.